



MOHAMAD (tengah)
bersama mahasiswa USIM.

Mahasiswa perlu kongsi ilmu dengan masyarakat pedalaman

Nilai: "Mahasiswa tidak boleh mengasingkan diri daripada masyarakat sebaliknya perlu berkongsi pengalaman kerana melalui cara itu dapat menyuntik semangat kepada golongan muda untuk mencapai kejayaan," kata Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan.

Beliau mengingatkan mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tidak memencilkan diri dan hanya fokus kepada aktiviti di kampus sebaliknya merancang pelbagai aktiviti kemasyara-

katan di kampung serta kawasan pedalaman.

Menurutnya, melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), mahasiswa USIM harus memperbanyakkan program kemasyarakatan di kampung bagi membantu golongan muda mencapai kejayaan dalam pelajaran.

"Mahasiswa harus memainkan peranan proaktif membantu masyarakat khususnya golongan muda supaya mereka dapat bersama-sama menikmati pembangunan dan kemajuan negeri ini.

"Ilmu pengetahuan diperoleh di menara gading harus dikongsi dengan orang lain. Masyarakat kampung sentiasa menantikan kehadiran mahasiswa kerana mereka amat menghormati anda semua sebagai golongan berilmu.

"Saya berharap MPP dapat mengadakan lebih banyak program kemasyarakatan supaya kemajuan dan kejayaan sama dirasakan," katanya.

Sementara itu, beliau mengingatkan mahasiswa terbahit supaya tidak menerima

sesuatu sumber maklumat itu secara membuta-tuli sebaliknya menapisnya dulu.

"Ini bagi mengelak mereka terperangkap dengan tindakan pihak tidak bertanggungjawab yang sengaja mengambil kesempatan mempengaruhi pemikiran mereka yang akhirnya boleh memberi kesan kurang baik kepada masa depan," katanya selepas Majlis Ramah Mesra USIM di Aston Hotel, di sini, petang kelmarin.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mat

Ali Hassan dan Naib Canselor USIM Prof Datuk Dr Asma Ismail serta Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) USIM Datuk Mohd Asim Dollah.

Beliau meraikan kejayaan pelajar USIM yang menerima Anugerah Pingat Emas pada British Invention Show (BIS) London Oktober 2013 selain jawatan kuasa MPP baru sesi 2013/2014.

Mohamad berkata, kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) bersetuju mengisi

dua kerusi profesor daripada enam yang ditawarkan USIM bagi tujuan menjalankan aktiviti penyelidikan.

Beliau yang juga Pengerusi MAINS berkata, dua kerusi itu ialah Fatwa dan Syariah dan Undang-Undang.

"Pemilihan calon yang akan menduduki kerusi terbahit ditentukan USIM, manakala MAINS membantu dari segi kewangan bagi aktiviti penyelidikan yang dilakukan," katanya.